- Government Equalities Office (GEO) dan Independent Equality and Human Rights Commission (EHRC) merupakan jentera kesaksamaan gender nasional di UK. Sebelum itu, kerajaan UK mempunyai sebuah badan berasingan yang bersifat bebas iaitu *Women's National Commission* (1969-2010) yang mana bertindak mewakili pandangan wanita terhadap kerajaan.
- UK Women's Budget Group merupakan sebuah pertubuhan masyarakat civil yang menyatukan penyelidik akademik dalam bidang penyelidikan gender-ekonomi, jurukempen masyarakat dan penyedia perkhidmatan. Kapasiti pertubuhan ini semakin berkembang apabila mereka mula dilihat sebagai entiti yang melestarikan analisis terhadap perihal penilaian kesan silang gender, pemisahan gender dalam belanjawan umum, penilaian hasil terhadap belanjawan, dasar ekonomi dan fiskal kerajaan UK.
- Mereka juga konsisten dalam membangunkan penyelidikan dan analisis terhadap penemuan yang penting bagi GRB dan bertindak sebagai penyokong kesaksamaan baik di dalam maupun diluar kerajaan.
- Jawatankuasa Parlimen bagi Wanita dan Kesaksamaan pada tahun 2020 telah meneliti perbelanjaan, pentadbiran, dan dasar di bawah *Government Equalities Office* (GEO). Ia juga mengkaji kesan ekonomi-gender yang disebabkan oleh COVID-19 dan menerbitkan laporannya pada Tahun 2021.<sup>49</sup>

#### Filipina

<sup>49</sup> The report can be downloaded at <https://committees.parliament.uk/publications/4597/documents/46478/default/>.

Filipina merupakan salah sebuah negara contoh untuk melihat bagaimana proses itu boleh melangkaui belanjawan negara dan boleh dijalankan secara berkesan di peringkat sub-nasional.

- Undang-Undang Republik (RA) No. 7192, atau "Undang-Undang Pembangunan Wanita dan Pembangunan Negara", memastikan bahawa sejumlah peratusan tertentu untuk bantuan pembangunan rasmi diperuntukkan untuk kepentingan gender. Hal ini juga merupakan titik awal kepada Dasar Belanjawan (Gender dan Pembangunan) (GAD), yang dimulakan menerusi Undang-Undang Peruntukan Umum Tahun 1995.
- Akta tersebut memberi mandat bahawa semua jabatan, biro-biro, pejabat dan agensi kerajaan mengetepikan sekurang-kurangnya 5 peratus daripada jumlah peruntukan belanjawan mereka ke atas GAD.
- Suruhanjaya Negara mengenai Peranan Wanita Filipina (NCRFW), telah menyediakan rangka kerja bagi mengintegrasikan GAD ke dalam pembangunan program, aktiviti dan projek yang dapat menggalakkan tadbir urus yang peka gender dan pemerkasaan ekonomi wanita.<sup>50</sup>

Pekeliling Bersama menjelaskan bahawa perancangan GAD hendaklah diintegrasikan dalam aktiviti-aktiviti biasa agensi-agensi, kos pelaksanaannya hendaklah sekurang-kurangnya 5 peratus daripada jumlah peruntukan belanjawan agensi mereka. Hal ini memerlukan setiap agensi untuk memastikan bahawa unsur-unsur penting dalam perancangan dan belanjawan GAD yang berikut telah disediakan dan diberikan keutamaan dalam penyediaannya:

- Penciptaan / pengukuhan *GAD Focal Point System*.
- Keupayaan membina GAD.
- Audit gender
- Melembagakan pangkalan data GAD / data yang dipisahkan mengikut jenis jantina.<sup>51</sup>

Kesemua aktiviti GAD dirancang menerusi pembangunan agenda GAD bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun. Agenda GAD itu diperolehi daripada kaedah berikut:

- Kajian semula dasar dan rancangan berkaitan GAD kebangsaan.
- Dapatan daripada analisis gender yang menggunakan maklumat gender teragregat daripada program atau perkhidmatan agensi utama, jurang gender ataupun isu-isu yang dihadapi oleh pekerja wanita dan lelaki.
- Analisis terhadap program, projek dan hasil penilaian dari sudut manfaat yang diperolehi oleh kumpulan sasar.
- Penilaian semula terhadap audit dana yang diterima oleh agensi GAD, kesemua rancangan yang disediakan, belanjawan GAD bagi tahun sebelumnya dan laporan tahunan GAD bagi mengutarakan baki isu-isu yang belum ditangani dalam rancangan dan belanjawan GAD sebelum ini.

---

<sup>50</sup> Illo, 2010

<sup>51</sup> PCW, NEDA and DBM, 2012, pp. 3–4

## **Malaysia**

Sebagai sebahagian daripada program mengarusperdanakan perihal gender, Malaysia telah melaksanakan sebuah projek Perintis GRB pada tahun 2003 dengan kerjasama daripada *United Nations Development Programme (UNDP)*.

- Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil yang merupakan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada ketika itu, memberikan sokongan yang jitu dan projek ini dibangunkan oleh Debbie Budlender, seorang pakar gender global dari UNDP.
- Jawatankuasa Pemandu, dari Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Pelaksanaan dan Penyelaras, dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) memantau projek tersebut dan memastikan perjalanan projek ini berada di landasan yang betul.
- Beberapa kementerian perintis seperti Kementerian Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.
- Templat GRB dan penyata belanjawan gender telah dimasukkan ke dalam proses belanjawan Malaysia bermula pada tahun 2006/2007. Sekumpulan pegawai dan pakar jantina tempatan telah dilatih untuk menyediakan asas bagi pegawai kerajaan lain dalam kaedah GRB.
- Sebuah manual yang mengandungi garis panduan dan prosedur praktikal untuk melaksanakan GRB telah diterbitkan pada tahun 2005. Manual ini membincangkan dan meneliti cara bagaimana untuk menjalankan analisis terhadap belanjawan gender dan kaedah untuk menjalankan kajian rintis GRB. Dalam manual ini, terdapat beberapa bidang yang menjadi fokus seperti kesihatan, pendidikan, sumber manusia dan pembangunan di Malaysia.
- Kit WFD dibina berdasarkan kandungan yang dihasilkan oleh kerajaan menerusi manual yang dicipta pada tahun 2005. Namun demikian, kit WFD ini hanya digunakan khusus untuk anggota parlimen sebagai panduan kerja di kawasan parlimen mereka. Namun demikian, manual sebelumnya yang dirancang untuk pihak kementerian dikhaskan untuk tugas-tugas mereka.

## **Penang**

- Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah memulakan GRB melalui kajian rintisnya bersama kerajaan negeri bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2012.
- Pendekatan ini menggabungkan kaedah belanjawan peka gender (GRB) dan penglibatan dalam belanjawan (Participatory Budgeting) (PB)=GRPB.
- Terdapat empat kaedah untuk melaksanakannya di peringkat komuniti dengan “Individu Berbeza, Keperluan Berbeza”.
  - Tinjauan (meliputi semua kelompok)
  - Perbincangan Kumpulan Berfokus (suara semua kelompok berdasarkan jantina, umur dan etnik).
  - Keperluan untuk mengundi (keperluan asas ditentukan melalui undian terbuka)
  - Perancangan dan Pembentangan (dialog belanjawan bersama kerajaan tempatan).
- Dasar Keterangkuman Gender (GIP) di Penang telah diangkat pada bulan Januari 2019 dan dilancarkan secara rasmi pada bulan Mac 2019:
  - a) Pembangunan Kapasiti dan Pendidikan Sepanjang Hayat bagi Keterangkuman Gender.
  - b) Pengumpulan Data: *Sex-Disaggregated Data (SDD) /Data Gender Teragregat*
  - c) Memastikan wujud keseimbangan pengurusan gender dalam kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.
  - d) Pelaksanaan penuh GRPB di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan tempatan
  - e) Rundingan dan Kerjasama Strategik dalam kalangan jabatan/agensi kerajaan negeri, sektor persendirian, NGO, institusi pengajian tinggi dan komuniti.
  - f) Pemantauan dan penilaian.

- Pada tahun 2020, pulau pinang telah memperkenalkan sebuah inisiatif yang dinamakan sebagai Top-Up Women-Only Additional Seats (TWOAS) sebagai satu cara untuk meningkatkan perwakilan kaum wanita kepada 30 peratus dalam dewan undangan negeri.

### **Selangor**

- Dasar Wanita Selangor mula diperkenalkan dan dirasmikan pada tahun 2017. Dasar ini bertujuan untuk merancakkan perkembangan wanita dari aspek kapasiti mereka dan menyumbang ke arah pencapaian yang menyeluruh, lestari dan negeri selangor yang makmur. Dasar ini dipacu oleh tiga misi serangkai seperti berikut;
  - i. Memaksimumkan potensi wanita dan mempelbagaikan kapasiti mereka bagi tujuan pengukuhan kendiri mahupun kolektif ke arah kemajuan sosial dan ekonomi.
  - ii. Mengangkat kehidupan sosioekonomi, kesejahteraan dan keselamatan
  - iii. Meningkatkan dan mempercepat kapasiti wanita dalam kepimpinan dan kapasiti pembuat keputusan.
- Dasar Wanita Selangor ini mempunya lima tumpuan utama dan tujuh matlamat yang berkaitan. Berikut merupakan perinciannya;

TUMPUAN UTAMA	MATLAMAT
1. Pengarusperdanaan Gender dalam Pembangunan	1. Mempromosikan rangka kerja yang bersifat peka gender
2. Ekonomi dan mata pencarian	2. Mengangkat taraf kehidupan sosio-ekonomi dan autonomi wanita yang kurang berasas baik 3. Merapatkan jurang gender dalam kesemua peringkat dan aspek perburuhan.
3. Perwakilan dan Kepimpinan	4. Mempercepat penambahan perwakilan wanita dan pembuat keputusan peringkat umum dan aspek kehidupan politik.
4. Keselamatan dan Kesejahteraan	5. Meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan wanita 6. Kebebasan dari keganasan dan ketakutan.
5. Kreativiti dan Inovasi	7. Merungkai bakat kreatif dan inovatif para wanita

- Kerajaan negeri amat komited terhadap agenda pengarusperdanaan gender yang merupakan tumpuan pertama dan juga matlamat pertama. Hal ini kerana perkara ini selari dengan empat aspirasi Smart Selangor 2025<sup>52</sup> iaitu inovasi, perhubungan, perpaduan sosial dan keharmonian.<sup>53</sup>
- IWB Selangor telah memulakan tiga (3) projek perintis berkenaan dengan Pengarusperdaan Gender di Selangor pada tahun 2020 selari dengan usaha untuk merancakkan pembangunan yang peka gender di negeri tersebut.

<sup>52</sup> <https://www.smartselangor.com.my/wp-content/uploads/2020/09/SSAP-OFFICIAL-26Aug20.pdf>

<sup>53</sup> <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/573457/selangor-launches-gender-mainstreaming-project-empower-women>

- Inisiatif Pengarusperdanaan Gender (GM) dijangka akan melancarkan lagi usaha menginklusifkan ekonomi dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam semua sektor termasuk membuat keputusan dan sistem pengurusan yang lebih sistematik dengan;
  - Perlantikan Titik Fokus Gender (Gender Focal Point (GFP)) dan Gender Focal Team (GFT) Kumpulan Fokus Gender di agensi dan jabatan perintis.
  - Mengukuhkan pembangunan kapasiti GFP and GFT dan kakitangan awam agensi negeri.
  - Mengadakan pengauditan gender dalam agensi dan jabatan perintis.
  - Membangun dan memperkenalkan pelan tindakan gender dalam setiap agensi dan jabatan perintis.
  - Mengarusperdanakan gender dalam kesemua portfolio ahli exco pada penghujung tahun ketiga

## **Bagaimana GRB boleh meningkatkan suara dan keperwakilan wanita?**

Promosi bagi penyertaan samarata dalam proses belanjawan boleh diambil dari pelbagai bentuk. Oleh sebab GRB membangunkan pentadbiran yang baik, ia bertujuan meningkatkan suara dan penglibatan wanita dalam proses belanjawan melalui perundingan dan penggunaan Data Gender Teragregat. Langkah-langkah yang disasarkan perlu diterapkan untuk menjadikan kesemua proses belanjawan itu bersifat menyeluruh. Dengan mengambil langkah-langkah untuk melibatkan wanita secara aktif dengan kaedah yang sama semasa penyediaan belanjawan awam, kita dapat memastikan bahawa wanita merupakan sebahagian daripada kumpulan yang membuat keputusan untuk kelompok mereka. Meningkatkan kepelbagaian juga bermaksud ia mengambil kira keragaman karakteristik mereka seperti umur, bangsa, etnik, agama, pendidikan, kekurangupayaan dan juga latar sosio-ekonomi.



**Empat (4) Langkah Dalam Belanjawan Peka Gender**

Jadi, bagaimana cara untuk menjalakan Belanjawan Peka Gender (GRB)? Empat langkah GRB tersebut ialah;

- 1. Pengumpulan maklumat wanita dan lelaki secara berasingan (Data Gender Teragregat)**
  - Langkah pertama amat bermanfaat untuk memperlihatkan kesan belanjawan kepada lelaki dan wanita dan kesan tersebut juga berbeza dari aspek jantina.
  - Pengumpulan data gender teragregat amat penting untuk memantau kebolehserahan dan perbelanjaan. Data gender teragregat yang baik dan terperinci mampu membekalkan bukti yang berkaitan berkaitan dengan bagaimana COVID-19 memberi kesan terhadap wanita dan lelaki. Ia juga boleh membantu kumpulan membuat keputusan dalam membangunkan pelan tindakan pemulihan berdasarkan kesan-kesa pandemik yang pelbagai selain daripada memberi penekanan terhadap kerentenan yang dihadapi oleh wanita dan lelaki baik dewasa mahupun kanak-kanak.
  - Data Gender Teragregat ini boleh dilapor dan dipantau sepanjang tahun atau melalui laporan tahunan di peringkat kebangsaan mahupun diperingkat sub-kerajaan.
- 2. Meningkatkan perwakilan dan suara wanita**
  - Beberapa langkah boleh diambil bagi meningkatkan kadar perwakilan wanita dan suara mereka walaupun terdapat beberapa jurang mahupun isu yang telah dinyatakan pada langkah pertama. Misalnya, ia boleh dilaksanakan melalui dialog mengenai belanjawan yang dikhususkan kan untuk wanita ataupun mendapatkan pendapat mereka melalui proses temubual. Dalam keadaan tertentu, ada sebahagian wanita agak keberatan untuk bersuara di khalayak ramai terutamanya dalam keadaan ruang bersuara tersebut di dominasi oleh lelaki.

- Penyertaan wanita dalam proses rundingan belanjawan akan menghasilkan serangkaian cadangan untuk mewujudkan peruntukan belanjawan yang saksama menerusi pinjaman dan geran bagi perusahaan kecil dalam perbelanjaan kerajaan.
  - Contoh: Rangka pinjaman dan geran tersebut perlulah bersifat sama rata kepada penerima manfaat baik wanita maupun lelaki agar ianya mampu menyumbang ke arah pembangunan. Hal ini bermaksud kriteria kelayakan yang bersifat diskriminasi secara tidak langsung seperti keperluan tahap minimum perolehan atau tempoh penglibatan dalam perusahaan perlu digubal. Hal ini kerana wanita lebih banyak menjalankan perusahaan berskala kecil dan perusahaan itu baru sahaja didirikan.
3. Analisis kesan sesebuah dasar terhadap wanita dan lelaki (menerusi penilaian impak gender)
- Penilaian impak gender melihat kesan terhadap individu juga isi rumah dan mengambil kira kesan yang terjadi daripada ekonomi perawatan tak berbayar.
  - Analisis bagi langkah ketiga ini boleh ditunjukkan melalui;
    - Sejauh mana belanjawan itu dapat memenuhi keperluan penerimanya;
    - Bagaimana keperluan berasaskan gender dan peranan penerima manfaat menyumbang ke arah kepuasan hati terhadap dasar kerajaan;
    - Halangan ataupun sekatan yang dihadapi oleh kumpulan sasar yang tidak mendapat akses terhadap perkhidmatan yang disediakan;
    - Sejauh mana belanjawan telah dikurangkan, bertambah buruk atau ketaksamaan gender yang dibiar tak berubah
4. Pembangunan penyelesaian dan pemantauan peka gender yang boleh diukur
- Apabila perbezaan impak belanjawan terhadap wanita dan lelaki dapat dilakarkan, wujud pula kewajiban untuk proses pengumpulan gender sebagai sebuah analisis dalam proses belanjawan.
  - Hal ini boleh laksanakan menerusi pengenalan mekanism khas seperti panduan pengauditan gender kepada ahli parlimen. Tujuan utamanya ialah untuk memastikan kesemua persoalan berkaitan gender dinyatakan dalam perdebatan dan dalam proses audit kerajaan.

Bagi GRB, perlu dipertimbang untuk menyatukan langkah-langkah berikut dalam proses merangkak elemen untuk memperbaiki perwakilan dan suara wanita;

- Berunding dengan pemegang taruh yang mewakili kepentingan wanita terutamanya melalui cadangan perubahan pengurusan fiskal. Ianya termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pemilik perusahaan, ahli akademik wanita dan anggota pertubuhan sivil.
- Merangkumkan titik utama dan wakil wanita dalam jawatankuasa pemacu untuk menyelia cadangan perubahan terhadap pengurusan fiskal.
- Memperkenal dan mengaplikasi kit GRB untuk menilai sebarang kesan daripada cadangan belanjawan, hasil, perbelanjaan terhadap wanita.
- Mendokong kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta kementerian utama yang lain seperti kewangan, ekonomi, sumber manusia, pendidikan dan kesihatan.

### TIGA KATEGORI DALAM PERBELANJAAN BELNJAWAN PEKA GENDER

Malaysia berisiko untuk kehilangan manfaat dan berhadapan dengan kesukaran untuk memperjuangkan agenda merealisasikan kesamarasaan gender sekiranya kita gagal menyediakan

sasaran dan langkah-langkah untuk mendepani kesan jangka pendek dan jangka panjang krisis ini. Menurut Rhonda Sharp, seorang ahli ekonomi dan pakar gender Australia, beliau menyifatkan belanjawan ini mempunyai tiga kategori utama yang menggunakan rangka kerja seperti berikut<sup>54</sup>;

### **1. Belanjawan Khas Gender**

- Hal ini melibatkan keseluruhan jumlah wang diperuntukkan untuk aktiviti yang menyasarkan jantina tertentu.
- Analisis ini mendedahkan sejauh mana kerajaan komited terhadap usaha menangani dan menghapuskankekangan-gender yang tertentu.
- Contoh: Program kesihatan wanita; program khas pendidikan bagi wanita sepanjang tempoh PKP; Inisiatif dasar pekerjaan untuk wanita semasa Pandemik COVID-19.

### **2. Perbelanjaan untuk mencapai kesaksamaan dalam perkhidmatan awam**

- Hal ini melibatkan peruntukan terhadap program yang bertujuan untuk mempromosikan kesamarataan dalam perwakilan lelaki dan wanita dalam perihal pembuat keputusan, gaji yang samarata dan syarat-syarat bagi perkhidmatan.
- Analisis ini memberi fokus kepada pembuat dasar atau pelaksana yang berkebarangkalian berpandangan serong terhadap jantina dan faktor silang seperti kelas sosial dan bangsa yang akhirnya mempengaruhi proses membuat keputusan dalam perutukan perkhidmatan mereka. Langkah ini merupakan satu cara untuk membuktikan sejauh mana kerajaan komited terhadap transformasi institusi.
- Contoh: Peruntukan khas bagi tujuan melatih wanita untuk menjawat jawatan Ketua Setiausaha dalam Kementerian, menulis semula perihalan kerja untuk menunjukkan peluang samarata dalam proses pengambilan pekerjaan; peruntukan cuti ibu bapa; pelaburan dan pengembangan pusat jagaan kanak-kanak awam sepanjang PKP.

### **3. Perbelanjaan umum atau arus perdana**

- Kategori ini melibatkan perihal perbelanjaan lain yang tidak dimasukkan dalam dua kategori di atas. Ia mengandungi sejumlah dana dalam belanjawan. Di negara kita, ia merangkumi kira-kira 99 peratus daripada keseluruhan belanjawan.
- Kesan-kesan yang mungkin dari dasar yang bersifat neuter-gender dan peruntukan di bawah dasar tersebut perlu di analisis supaya sifat ekonomi neuter-gender itu dapat dikekalkan. Apakah kegiatan ekonomi bagi wanita dan lelaki dalam kumpulan B40<sup>55</sup>? Adakah mereka mempunyai akses dan kawalan terhadap sumber terpenting sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini? Adakah peruntukan belanjawan ini akan merapatkan atau meluaskan jurang ketaksamaan gender yang telah wujud?

---

<sup>54</sup> Budgeting for equity, Gender budget initiatives within a framework of performance-oriented budgeting, Rhonda Sharp, 2003

<sup>55</sup> Kumpulan B40 merupakan kumpulan berpendapatan rendah dalam populasi berdasarkan definisi kerajaan.

## **KIT BELANJAWAN PEKA GENDER BAGI ANALISIS KESAN SESEBUAH DASAR TERHADAP WANITA DAN LELAKI.**

Sejumlah "kit"<sup>56</sup> wujud tersedia bagi tujuan mengisi lompong dan memberikan sedikit sinar terhadap kesan dari sudut gender bagi perbelanjaan umum ataupun arusperdana;

### **Analisis kejadian perbelanjaan awam**

- Perbandingan perbelanjaan awam untuk program tertentu dengan kaji selidik isi rumah atau data yang serupa untuk menganggarkan pengagihan perbelanjaan bagi wanita atau lelaki yang dewasa mahupun kanak-kanak.
- Analisis ini antara yang paling informatif kerana ianya menggabungkan analisis gender dengan analisis-kuantil pendapatan. Hal ini disebabkan oleh kesan dari aspek gender agak berbeza kepada pendapatan ataupun kelas.
- Formula: Mengukur kos unit untuk menyediakan perkhidmatan yang diberikan dan mendarabkan kos tersebut dengan bilangan unit yang digunakan oleh setiap kumpulan.

### **Penilaian dasar yang bersifat sensitif gender**

- Analisis kejadian tidak mudah untuk digunakan bagi beberapa bentuk perbelanjaan. Hal ini kerana perkhidmatan yang disediakan bukan bersifat individu tetapi ianya digunakan secara kolektif.
- Persoalan utamanya adalah sama ada dasar tersebut boleh mengurangkan ketaksamaan ketidakseimbangan gender (atau secara alternatifnya ada risiko yang perlu dikekalkan atau ianya akan melebarkan lagi jurang gender yang telah sedia ada wujud).
- Dalam soalan analisis: "Menerusi cara apakah dasar dan sumber yang berkaitan mampu mengurangkan atau meningkatkan ketaksamaan gender? Bagaimana ses sebuah dasar dan program itu menunjukkan perbezaan keperluan dan keutamaan bagi wanita dan lelaki? Adakah hak wanita sepertimana yang termaktub dalam CEDAW dan seperti yang dinyatakan dalam cadangan peringkat negara di bawah CEDAW diambil kira?
- Contoh: Perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Industri agak sukar untuk tertakluk pada benefit incidence analysis bagi gender teragregat. Namun demikian, bentuk fasiliti yang disediakan dan dasar yang diterus oleh kementerian ini boleh dinilai dari perspektif gender.

### **Analisis Gender-Teragregat mengenai Kesan Belanjawan terhadap Penggunaan Masa**

- Pengiraan ini untuk melihat perkaitan antara peruntukan belanjawan dan kesan terhadap cara isi rumah menguruskan masa mereka dengan tinjauan penggunaan masa isi rumah.
- Objektifnya adalah untuk mengambil kira kesan perbelanjaan awam terhadap penjagaan dan kerja-kerja lain yang tidak dibayar, yang biasanya dijalankan oleh wanita selain daripada aktiviti yang tidak dikira sebagai satu kegiatan ekonomi.
- Secara khususnya, pemotongan beberapa bahagian dalam belanjawan awam akan meningkatkan lagi jumlah masa yang perlu diperuntukkan bagi kerja-kerja penjagaan tidak membayar bagi keluarga dan komuniti untuk menggantikan perkhidmatan umum yang telah ditarik.

---

<sup>56</sup> Elson, Dianne, Integrating gender into Government budgets within a context of economic reform, in Budlender et.al., 2002, Gender Budgets Make Cents: Understanding gender responsive budgets, page 44

- Contoh: Wanita banyak menghabiskan masa untuk mendapatkan sumber makanan yang lebih murah dan menyediakan makanan berbanding lelaki. Hal ini memberikan kesan terhadap masa lapang mereka untuk menjalankan kerja berbayar dan ia juga akan mengurangkan pendapatan mereka.

#### **Analisis terhadap perbelanjaan awam berdasarkan gender teragregat**

- Menganalisis tentang cara bagaimana jumlah perbelanjaan program diagihkan antara wanita dan lelaki.
- Contoh: Perbelanjaan untuk kesihatan boleh memberi manfaat kepada wanita miskin seperti lelaki miskin. Namun demikian, wanita mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan. Hal ini kerana wanita menghadapi kekangan untuk pergi ke fasiliti tersebut, terutamanya bagi pusat kesihatan yang terletak di kawasan pendalam.

#### **Kaji Selidik Penjejakan Perbelanjaan Awam**

- Mengukur jumlah dana daripada Kementerian Kewangan yang diterima pada setiap titik dalam rantaian penyampaian perkhidmatan awam.
- Persoalan untuk diutarakan:
  - Adakah wang tersebut diperuntukkan pada tempat yang sepatutnya?
  - Adakah ianya diperuntukkan untuk wanita atau lelaki?
  - Adakah kawalan terhadap belanjawan berkesan?
- Alat ini mengukur sejauh mana sistem yang berkesan memastikan dana daripada kerajaan pusat sampai kepada penerima yang disasarkan di peringkat komuniti.

#### **Penyata Belanjawan Peka Gender**

- Laporan yang melaksanakan penilaian terhadap belanjawan dengan menggunakan kesemua kaedah di atas dan menringkaskan kesannya terhadap kesamarataan gender.
- Mana-mana kementerian atau agensi boleh mengeluarkan kenyataan GRB menggunakan satu atau lebih kaedah di atas untuk menganalisis program dan belanjawannya. Seterusnya meringkaskan implikasi yang ada melalui beberapa petunjuk utama yang ada.
- Contoh: Maklumat tentang belanjawan khusus untuk gender, peluang samarata dalam belanjawan dan beberapa perihal perbelanjawan arus perdana yang bersifat khusus untuk jantina.

<b>Peruntukan yang dikhususkan untuk wanita</b>	
Projek	
Objektif	
Isu	
Aktiviti 1	
Penunjuk Prestasi Utama (KPI)	
Tindakan	
Hasil yang dijangkakan	
Perbelanjaan (RM)	

Contoh templat untuk Penyata Belanjawan Gender

Contoh peruntukan Belanjawan Peka Jantina semasa pandemik COVID-19 yang masih memerlukan analisis lanjut untuk mengukur kesan ke atas segmen penduduk yang paling terdedah.

- Meletakkan wang tunai secara langsung di tangan wanita terutamanya untuk isi rumah yang diketuai oleh wanita.
- Memperkenalkan pelepasan cukai untuk perniagaan milik wanita.
- Memastikan peralatan perlindungan diri (PPE) seperti topeng bersaiz sewajarnya untuk wanita dan tidak membiarkan mereka terdedah.
- Menyediakan stok barang kebersihan dan sanitasi yang mencukupi (termasuk tuala wanita dan sabun) untuk pekerja kesihatan wanita dan untuk wanita dan kanak-kanak perempuan yang sedang dalam kuarantin.
- Menyediakan perlindungan sosial yang inklusif untuk penjaga bagi mengurangkan kesan beban penjagaan mereka yang tidak dibayar.
- Mengembangkan sokongan penjagaan kanak-kanak bagi ibu bapa yang bekerja - termasuk mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal – terutamanya saat sekolah dan pusat perkhidmatan penjagaan kanak-kanak ditutup.
- Menetapkan ruang selamat untuk wanita di mana mereka boleh melaporkan penganiayaan disedari oleh pelaku. Contoh: sistem yang membolehkan laporan dilakukan menerusi kedai runcit.
- Menyediakan dan meningkatkan sumber bagi tempat perlindungan dari keganasan rumah tangga.
- Kecukupan inisiatif bagi wanita yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Misalnya, Adakah kita mempunya pecahan yang menunjukkan berapa jumlah penerima bantuan wanita dan lelaki bagi bantuan kewangan one-off berjumlah RM500 yang diberikan pada pemandu pelancong, pemandu teksi, pemandu bas sekolah, bas persiaran, kereta sewa dan e-hailing. Hal ini kerana majoriti pekerja yang terlibat dalam sektor ini terdiri daripada lelaki.
- Keperluan untuk memastikan skim sokongan pendapatan dapat dicapai oleh mereka yang berada dalam ekonomi tidak formal.

## PERANAN AHLI PARLIMEN



<b>Peringkat Perumusan</b>	Sebilangan besar mekanisme digunakan dalam peringkat kitaran ini. Mekanisme yang biasa ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Perangkuman arahan (pekeliling untuk belanjawan) untuk menyertakan aspek gender dalam kitaran belanjawan;</li> <li>○ Penyata belanjawan gender dan peruntukan berkaitan GRB dalam belanjawan dan dokumen perancangan;</li> <li>○ Pra perundingan belanjawan berkaitan gender; Dan</li> <li>○ Penelitian hasil</li> </ul>
<b>Perbahasan/Peringkat Kelulusan</b>	Pada peringkat ini, belanjawan dikemukakan kepada parliment untuk perbahasan, soal-jawab dan enakmen. Peringkat ini boleh mempunyai beberapa titik mula untuk GRB: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membangkitkan isu gender dengan menyertai sesi perbahasan dan soal jawab.</li> <li>○ Penggubalan peraturan dan undang-undang parliment</li> <li>○ Memperkenalkan sebuah mekanisme institusi seperti Kumpulan ahli parliment bagi semua parti untuk wanita dan belanjawan bagi memastikan perihal kesamarataan gender diberikan perhatian yang sewajarnya.</li> </ul>
<b>Peringkat pelaksanaan</b>	Pada peringkat ini, perbelanjaan dan prestasi akan dipantau menerusi laporan jangka pendek. Makumat gender teragregat akan dikumpulkan dan dilaporkan pada pertengahan atau akhir tahun. Laporan ini akan menjadi satu mekanisme untuk memastikan belanjawan dibelanjakan sebagaimana yang telah diperuntukkan dan tiada pengurangan dalam perbelanjaan selain daripada kesemua matlamat dapat dicapai.
<b>Peringkat Pengauditan</b>	Pengauditan awam bertujuan untuk memastikan proses soal siasat bukan semata-mata bagi tahan peruntukan sahaja. Pada peringkat ini, mekanisme institusional boleh memperkenalkan kaedah analisis gender ke dalam proses pengauditan formal. Soalan daripada jawatankuasa parliment pula berujuan untuk menilai impak belanjawan terhadap gender dan juga mendengar pembuktian dari perspektif masyarakat baik wanita maupun lelaki selain daripada saranan untuk perubahan yang dicadangkan para pengkaji.

## BERPERANAN SEBAGAI TAULADAN

- Menjadi juara dalam menyuarakan isu-isu yang berkaitan kekurangan wanita dewasa dan kanak-kanak. Hal ini tidak terhad dalam sesi parlimen semata-mata – Ahli parlimen juga perlu bersifat vokal sama semasa atau selepas sesi parlimen.
- Mengambil pendirian menghormati, bekerjasama dalam usahasama dalam politik dengan menepikan sudut partisan, kepentingan kendiri dan persaingan. Hal ini perlu diterjemah dengan mengelakkan dari mengeluarkan kenyataan berbaur gangguan seksual, ucapan yang seksis, membuli dan bertindak ganas terhadap ahli parlimen wanita.
- Memberikan peluang sama rata kepada ahli parlimen wanita untuk menunjukkan yang ahli parlimen wanita juga boleh memberikan sumbangan terhadap krisis yang ada.

## **PERUNDANGAN**

- Menggalakkan dan menyokong perundangan yang peka gender dalam pelbagai bidang, seperti gangguan seksual, gaji yang sama rata, akses yang sama kepada sumber dan perkhidmatan, penyertaan dalam membuat keputusan, keseimbangan antara kehidupan dan kerja dan keganasan berasaskan gender.
- Menjadikan GRB sebagai sebuah sistem yang sistematik dengan menyerapkan ia ke dalam Kementerian Kewangan.
- Berbahas dan meningkatkan persoalan yang peka gender dalam setiap soalan yang dikemukakan di parlimen.
- Mempromosikan usaha penginstitusian dasar yang sensitif terhadap gender. Menjadi perihal peka gender sebagai norma baharu dalam prosedur dan agenda dalam parlimen juga kementerian.

## **KETERLIBATAN DALAM KAWASAN PARLIMEN**

- Melaksanakan analisis keperluan berkala melalui tinjauan dalam masyarakat (wanita dan lelaki) sebelum pelaksanaan dan perancangan suatu program.
- Mengumpulkan analisis yang komprehensif berkenaan dengan kesan belanjawan terhadap wanita dalam kelompok masyarakat melalui;
  - Mekanisme kesamarataan gender peringkat setempat dan kebangsaan juga kementerian yang berkaitan.
  - Pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan wanita
  - Pertubuhan yang mewakili tenaga kerja yang didominasi wanita (seperti kesihatan, penjagaan kanak-kanak, guru, hospitaliti, perkhidmatan, perkilangan dan sektor perusahaan bukan formal) dan
  - Pakar gender termasuk ahli ekonomi, ahli akademik, golongan professional dan wartawan.
- Menyediakan sebuah ruang yang selamat untuk memberdaya wanita dan kanak-kanak agar mereka boleh menyuarakan pendapat mengenai keperluan mereka. Misalnya, dialog ataupun perbincangan berkumpulan yang dikhaskan untuk wanita.
- Mencalonkan atau menggalakkan penyertaan pemimpin wanita dalam komuniti kepada jawatankuasa pengurusan krisis/pandemik.
- Menyediakan peruntukan khas untuk program wanita / perempuan di peringkat kawasan pilihan raya.

## **MAKLUMAT**

- Pengumpulan maklumat gender tak tergareng (SDD) sebagai suatu syarat di semua kementerian.
- Mewujudkan pangkalan data bagi tujuan menyelarikan dan memberikan kemudahan dari sudut akses terhadap maklumat tersebut dari kesemua kementerian dan agensi (contoh: usahasama dengan Jabatan Perangkaan Negara).
- Perkongsian maklumat silang dan Perujukan maklumat silangan di antara kementerian.

- Maklumat yang menunjukkan tahap kepuasan masyarakat di mana Belanjawan Peka Gender digunakan, diasingkan berdasarkan wanita dan lelaki.

## **PEMBANGUNAN KAPASITI**

- Usaha membangunkan sumber kapasiti yang memperkuuh ahli parlimen, senator dan para pengawai terbabit untuk mempertimbangkan usaha mengarusperdanakan gender sebagai rangka kerja di peringkat parlimen.
- Kerjasama dengan pertubuhan wanita atau NGO untuk menjalankan latihan gender dan memperkasa wanita di peringkat akar umbi sebagai usaha untuk melibatkan diri dalam proses belanjawan.

## **ADVOKASI DAN KESEDARAN**

- Menyediakan kertas dasar dan melobi agar Belanjawan Peka Gender (GRB) boleh diterima pakai dalam perlumbagaan parti.
- Mendidik dan didikan semula bagi ahli parlimen berkenaan dengan konsep gender, konsep hakiki bekaitan kesamarataan, perihal bukan diskriminasi dan kewajiban negara dalam hal-hal kesamarataan gender.
- Pertimbangan untuk penglibatan di peringkat serantau dan antarabangsa antara kerajaan bagi memupuk konsep pembelajaran berkenaan pendekatan peka gender. Pendekatan ini merupakan suatu amalan yang baik bagi kesemua kakitangan dan ahli parlimen.
- Memperluas wacana umum yang membincangkan soal GRB dalam pelbagai peringkat dengan menggunakan terminologi yang paling mudah. Hal ini akan menggalakkan lagi penglibatan masyarakat umum dalam proses belanjawan nasional.
- Memulakan kempen umum berkenaan GRB menerusi laman sesawang dan laman sosial rasmi ahli parlimen.
- Melibatkan pihak media menggunakan pakai perspektif gender dalam setiap liputan mengenai suatu isu.

## **PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

- Membentuk jawatankuasa khas untuk GRB dan Kumpulan ahli parlimen bagi semua parti (APPG) untuk kumpulan belanjawan wanita sebagai pemantauan terhadap proses integrasi antara sudut pandang gender dengan kitaran belanjawan. Hal ini juga melibatkan proses mengkoordinasi tindakbalas ahli parlimen terhadap perihal peka gender.
- Pemantauan dan penilaian berterusan mengenai implikasi dari aspek gender berkenaan engan perundangan kerajaan, dasar, pakej bantuan dan belanjawan. Hal ini juga melibatkan penelitian pasca perundangan oleh jawatankuasa pemilih parlimen berkaitan dengan pertubuhan wanita dan pihak kementerian bagi memahami kesan setiap daripada dasar dan program bagi wanita, lelaki dan komuniti rentan.

## DAFTAR ISTILAH

<b>Seks (Jantina)</b> Sebilangan besar manusia dilahirkan sebagai wanita atau lelaki. Istilah jantina merujuk kepada perbezaan biologi antara wanita dan lelaki. Bagi sebilangan besar manusia, biologi seks ini tidak berubah dari masa ke masa.
<b>Gender</b> Istilah 'gender' merujuk kepada peranan sosial, tanggungjawab dan identiti wanita dan lelaki yang berbeza dan hubungan kuasa antara wanita dan lelaki dalam masyarakat tertentu. Peranan dan hubungan gender itu berbeza di antara satu negara dan satu budaya yang lain. Bahkan ianya juga mungkin berbeza di antara kumpulan.
<b>Penilaian Gender</b> Sebuah kaedah penilaian bagi mengenal pasti keberadaan perihal kesamarataan dan ketaksamaan di antara wanita dan lelaki.
<b>Analisis Gender</b> Analisis gender merupakan penilaian kritikal mengenai cara bagaimana untuk membezakan peranan gender, aktiviti, keperluan, peluang dan hak dalam suatu keadaan atau konteks. Penilaian melihat hubungkait di antara wanita dan lelaki dari aspek akses serta kebolehan mengawal sumber selain daripada bentuk kekangan yang dihadapi oleh mereka. Analisis gender ini wajar diintegrasikan ke dalam semua aspek penilaian atau analisis berdasarkan situasi bagi memastikan ketidakadilan berasaskan gender dan ketaksamaan tidak terus diburukkan. Dengan adanya intervensi maka ada kebarangkalian kesamarataan dan keadilan dalam perihal gender ini dapat dipromosikan. <sup>57</sup>
<b>Pengarusperdanaan Gender</b> Menyertakan pendekatan sensitif gender dalam segala yang dilakukan.
<b>Pendekatan Peka Gender</b> Hasil daripada dasar, program dan intervensi yang mengambarkan pemahaman tentang peranan gender dan ketaksamaan. Pendekatan ini juga berusaha untuk menggalakkan penyertaan sama rata dan pengagihan manfaat yang sama rata dan adil.
<b>Sensitif Gender</b> Untuk memastikan bahawa perbezaan gender ditampung dalam semua aspek masyarakat.
<b>Buta Gender</b> Kegagalan untuk mengenalpasti suatu peranan ataupun tanggungjawab lelaki ataupun wanita baik dewasa mahupun kanak-kanak yang telah dipasangkan secara terperinci melalui aspek sosial, kebudayaan, ekonomi, latar politik dan latar belakang. Projek, program, dasar dan sikap buta gender ini tidak mengambil kira peranan dan keperluan yang berbeza. Pihak yang terbabit bertindak mengekalkan status quo dan tidak akan membantu proses transformasi struktur gender yang tidak sama rata. <sup>58</sup>
<b>Gender Neuter</b> Tidak mempunyai kesan positif dan negatif yang berbeza dari aspek hubungan gender dengan kesamarataan di antara lelaki dan wanita.
<b>Kesamarataan Gender</b> Hal ini merujuk kepada hak sama rata, tanggungjawab dan peluang wanita dan lelaki baik yang dewasa mahupun kanak-kanak. Ia membayangkan bahawa kepentingan, keperluan dan keutamaan kedua-dua wanita dan lelaki perlu diambil kira dan mengiktiraf kepelbagaiannya yang wujud antara wanita dan lelaki.

<sup>57</sup> Ibid

<sup>58</sup> UNICEF, UNFPA, UNDP, UN Women. "Gender Equality, UN Coherence and You".

<b>Jurang Gender</b>	Jurang antara wanita dan lelaki dari aspek penglibatan, akses, hak, ganjaran dan manfaat.
<b>Kerja Penjagaan</b>	Bahagian aktiviti manusia yang meliputi aspek kebendaan dan sosial yang memberi tumpuan pada proses menjaga sumber buruh (sekarang atau masa hadapan), populasi manusia secara keseluruhannya termasuk penyediaan makanan, pakaian dan tempat perlindungan domestik. Penghasilan sosial ini bertindak untuk menyediakan semua keperluan dari aspek ekonomi sama ada ianya berbayar atau tidak berbayar. <sup>59</sup>
<b>Data Gender Teragregat / Sex Disaggregated Data (SDD)</b>	Pengumpulan data dan pembentangan maklumat statistik yang dibezakan oleh wanita dan lelaki untuk membolehkan analisis perbandingan. Ketersediaan SDD merupakan suatu asas untuk belanjawan peka gender. Tanpa data yang mencukupi analisis yang bermakna adalah sangat sukar. Bagi tujuan menyokong kemajuan, semua maklumat yang berhubung dengan individu harus dikumpulkan, dibentang dan dianalisis dari aspek pengasingan gender.
<b>Petunjuk Gender</b>	Kriteria yang digunakan untuk menilai perubahan keadaan yang berkaitan gender. Ianya juga digunakan untuk mengukur sejauh mana kemajuan perihal kesamarataan gender. Petunjuk yang digunakan boleh berbentuk kuantitatif (data, fakta dan numerikal) dan kualitatif (pandangan, perasaan, persepsi dan juga pengalaman.)
<b>Fiscal Policy</b>	Kegiatan perbelanjaan dan percuakan oleh pihak kerajaan.
<b>Ekonomi Perawatan</b>	Bahagian aktiviti manusia baik kebendaan dan sosial yang menjurus kepada aktiviti dan perhubungan yang melibatkan kegiatan penjagaan fizikal, emosional dan psikologikal. Ia merangkumi kerja berbayar dan tidak dibayar dan kekal sebagai komponen ekonomi yang terkurang nilai. Terdapat ketaksamaan gender dalam sektor ini yang melibatkan wanita, terutamanya dalam kerja penjagaan yang tidak dibayar.
<b>Ekonomi Formal</b>	Sektor ekonomi yang menghasilkan barang dan perkhidmatan sebagai balasan kepada pembayaran wang dan disatukan sepenuhnya ke dalam struktur ekonomi formal (termasuk sistem cukai)
<b>Ekonomi Tidak Formal</b>	Ekonomi tidak formal merupakan sebahagian daripada pasaran ekonomi. Hal ini kerana ianya menghasilkan barang dan perkhidmatan (sah) untuk dijual atau diperolehi menerusi bentuk imbuhan yang lain. Selain itu, ia juga meliputi pekerjaan tidak formal baik di dalam maupun di luar perusahaan tidak formal (perusahaan kecil tidak berdaftar atau perusahaan tidak diperbadankan). Usahawan dan pekerja tidak formal mempunyai satu ciri penting: mereka tidak diiktiraf atau dilindungi di bawah kerangka undang-undang dan peraturan yang ada. Ekonomi tidak formal ini tidak termasuk kegiatan ekonomi berunsur jenayah dan ekonomi reproduktif atau perawatan.
<b>Ahli Parlimen</b>	Seorang Ahli Parlimen yang dipilih untuk mewakili kawasan pilihan raya dan mendapat kerusinya di Dewan Rakyat dengan memenangi pilihan raya umum yang dijalankan setiap lima tahun.
<b>Kumpulan Parlimen bagi Semua Parti/ All-Party Parliamentary Groups (APPGs)</b>	APPG adalah kumpulan yang tidak formal, antara parti yang dibentuk oleh Ahli Parlimen yang mempunyai kepentingan bersama dalam bidang, wilayah atau dasar negara yang tertentu.

<sup>59</sup> Alexander and Baden, 2000

## SENARAI KEPENDEKAN

<b>Acronym</b>	<b>Definition</b>
APA	American Psychiatric Association
APPG	All-Party Parliamentary Group
CEDAW	Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women
BPfA	Beijing Platform for Action
CPI	Corruption Perceptions Index / Indeks Persepsi Rasuah
CSO	Civil Society Organisation / Organisasi Masyarakat Sivil
DOSM	Department of Statistics Malaysia / Jabatan Perangkaan Malaysia
EHRC	Equality and Human Rights Commission / Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Kesamarataan
EXCO	Executive Council
KRI	Khazanah Research Institute
GAD	Gender and Development / Gender dan Pembangunan
GBV	Gender Based Violence / Keganasan Berasaskan Gender
GDP	Gross Domestic Product / Keluaran Negara Kasar (KNK)
GEO	Government Equalities Office
GGGI	Global Gender Gap Index / Indeks Jurang Gender Global
GFP	Gender Focal Point / Titik Fokus Gender
GFT	Gender Focal Team / Kumpulan Fokus Gender
GIP	Gender Inclusiveness Policy / Dasar Keterangkuman Gender
GM	Gender Mainstreaming / Pengarusperdanaan Gender
GRB	Gender Responsive Budgeting / Belanjawan Peka Gender
GRPB	Gender Responsive and Participatory Budgeting
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IWB	Institut Wanita Berdaya
MCO	Movement Control Order / Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
MGGI	Malaysia Gender Gap Index / Indeks Jurang Gender Malaysia
MP	Member of Parliament / Ahli Parlimen
NCRFW	National Commission on the Role of Filipino Women
NGO	Non-governmental Organisation / Badan Bukan Kerajaan
PWDC	Penang Women's Development Corporation
RA	Republic Act
SDD	Sex Disaggregated Data / Data Gender Teragregat
SDGs	Sustainable Development Goals / Matlamat Pembangunan Lestari
TI	Transparency International
TWOAS	Top-Up Women-Only Addition
UNDP	United Nations Development Programme
WAO	Women's Aid Organisation
WEF	World Economic Forum
WFD	Westminster Foundation for Democracy



**WESTMINSTER FOUNDATION FOR DEMOCRACY**

22-26 Whitehall, Westminster, London, SW1A 2EG

@WFD\_Democracy | @WestminsterFoundation

[www.wfd.org](http://www.wfd.org)